

PM: Malaysia mampu

UM 24 APR 2002

PUTRAJAYA 23 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia mampu menjadi peneraju dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) jika rakyat berganding bahu menjayakan matlamat tersebut.

Tegas Perdana Menteri, jika semua pihak melibatkan diri menguasai ICT, negara tidak akan ketinggalan malah menjadi lebih kompetitif di arena antarabangsa.

Amanat itu dinyatakan oleh Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NICT) di Putrajaya hari ini.

Ahli NICT, Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin berkata, screntak dengan gesaan Perdana Menteri itu, mesyuarat tersebut meluluskan satu kerangka untuk mengurangkan jurang digital di peringkat kebangsaan.

Proses penggubalan dan pembinaan kerangka itu,

katanya, dipertanggungjawabkan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Sekretariat NICT.

Tegas beliau, sebenarnya banyak inisiatif telah dijalankan tetapi tidak ada penyelarasan dan justeru, EPU diminta menjalankan kerangka itu secara teratur tanpa ada pertindihan.

“Perdana Menteri menekankan Malaysia bukan negara termundur dalam ICT sebaliknya kita sudah mulakan banyak inisiatif malah kalau digerakkan semua pihak, kita boleh pergi jauh.

“Beliau (Perdana Menteri) juga berkata, kita berpotensi menjadi peneraju dalam banyak hal teknologi maklumat misalnya kad pengenalan elektronik yang diperkenalkan kita menarik minat negara lain khususnya selepas peristiwa 11 September,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi yang juga Timbalan Pengerusi NICT dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dr. Sharifah berkata, tumpuan utama usaha pengurangan jurang digital ialah dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS).

Penglibatan IKS, jelasnya, amat penting supaya barangan elektronik tempatan mendapat pasaran di peringkat antarabangsa.

“Bila kita melibatkan mereka (IKS) dalam inisiatif ini, mereka tidak akan terpinggir,” katanya.

Selain IKS, kata beliau, terdapat tujuh golongan yang turut menjadi sasaran NITC iaitu masyarakat luar bandar, pedalaman, miskin, wanita, belia, warga tua dan kurang upaya.

Langkah tersebut, tegasnya, bertujuan meningkatkan daya saing masyarakat di peringkat global dengan berasaskan kepada kemahiran pengetahuan ICT.

NICT juga, kata Dr. Sharifah, telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pe-

jadi peneraju' ICT

mandu bagi memantau kaedah penggunaan maklumat di kalangan masyarakat supaya ia mampu memberi manfaat kepada pembangunan negara.

“Isu ini berkaitan deng-

an aspek pendidikan iaitu cara menggunakan maklumat untuk pembangunan,” katanya.

Dr. Sharifah menambah, NICT sedang melaksanakan ‘Sistem Projek E-Da-

gang Rosettanet’ yang melibatkan pihak IKS, Jabatan Kastam dan Eksais dan lapangan terbang di Pulau Pinang.

Menurut beliau, Jabatan Kastam dan Eksais perlu

dilibatkan dalam sistem tersebut memandangkan pihak tersebut terbabit secara langsung dalam aspek logistik di lapangan terbang.

Terdahulu, dalam mesy-

uarat NICT berkenaan, Dr. Mahathir mengumumkan pelantikan 25 ahli majlis itu termasuk tujuh menteri kabinet, tokoh akademik, wakil badan bukan kerajaan dan tokoh korporat.